

Dimensi Baru dalam Amalan *Rabitah* Tokoh Sufi Kontemporari Malaysia

Syed Hadzrullathfi Syed Omar

Abstrak

Rabitah dalam disiplin Ilmu Tasawuf didefinisikan sebagai suatu perasaan kasih dan ingatan murid yang mendalam terhadap gurunya sehingga terbayang rupa parasnya dalam khayalan, sama ada ketika hadir atau ketiadaan gurunya. Hal demikian diharapkan murid tersebut dikasihi oleh Allah kerana mencintai seorang yang dicintai Allah. Walau bagaimanapun, artikel ini cuba mengetengahkan satu dimensi baru yang diperkenalkan oleh seorang tokoh sufi kontemporari Malaysia, Tuan guru Haji Jahid bin Haji Sidek. Metode temubual dengan tokoh kajian dilakukan bagi memperoleh data yang diperlukan untuk dianalisis. Kajian mendapati istilah *rabitah* yang difahami oleh beliau mempunyai pengertian yang sama dengan istilah 'ayat Allah dari aspek kedua-duanya menjadi instrumen bagi seseorang untuk mengenal Allah. Justeru beliau menyifatkan amalan *rabitah* adalah wajib ke atas setiap individu ingin mengenal Allah sebagaimana perintah wajib memerhati 'ayat Allah yang terkandung dalam al-Quran. Kajian juga mendapati kewajipan konsep *rabitah* menurut tokoh kajian adalah relevan untuk disamakan dengan konsep *nazar* menurut ahli kalam.

Kata Kunci: *rabitah*; *nazar*; Tuan guru Haji Jahid bin Haji Sidek; tokoh sufi kontemporari Malaysia; tasawuf.

Abstract

*Rabitah in Sufism is defined as a link of deep love between a murid and his shaykh and tying one's heart to the accomplished shaykh by keeping his image in one's imagination, even in his absence. It is expected that the students are loved by God, for the love of one who loved God. However this article mainly attempts to highlight a new dimension on the concept introduced by a foremost contemporary sufi figure in Malaysia named Shaykh Haji Jahid Haji Sidek. The interview method is conducted in this study to obtain data required for analysis. The study found that *rabitah* according to the shaykh has the same meaning as well as signs of God (ayat Allah), in terms of both are instruments for knowing God. Thus he believed that *rabitah* practice is obligatory for everyone to know God as well as the Holy Quran urges people compulsorily on observing the signs of God. The study also found that the obligation of practising *rabitah* which he meant, just as the obligation of practising *nazar* which is decided by Islamic theology scholars.*

Keywords: *rabitah*; Shaykh Haji Jahid; sufi's order; *nazar*; *sufism*.

Pendahuluan

Amalan *rabitah* merupakan salah satu daripada pelbagai amalan yang diamalkan oleh pengamal tarekat sufi dalam disiplin ilmu tasawuf. Galakan melaksanakan amalan itu bukan suatu perkara asing menurut kaca mata tokoh tasawuf kerana ia dianggap sebagai suatu instrumen penting bagi mencapai kesempurnaan untuk mengenal (*ma`rifah*) Allah. Meneliti kajian literatur, kebanyakannya menumpu kajian terhadap konsep dan praktik amalan itu di samping mengetengahkan perbincangan sekitar keharusan atau ketidakharusannya menurut syarak (Othman 2004, 53). Meneliti pelbagai definisi *rabitah* yang telah dikemukakan dalam karya mereka (al-Qadiri 1962, 26; al-Dawsari 2002, 4:84), *rabitah* boleh dirumuskan sebagai suatu perasaan kasih dan ingatan murid yang mendalam terhadap gurunya sehingga terbayang rupa parasnya dalam khayalan, dengan harapan murid tersebut dikasihi oleh Allah kerana mencintai seorang yang dicintai Allah. Sementara guru yang dimaksudkan itu pula adalah seorang yang disifatkan sebagai *al-kamil* (sempurna) dari aspek *ma`rifah* dan ketakwaannya kepada Allah (Jahid 1997, 257). Dari aspek aplikasi, hukum minima yang telah mereka putuskan tentang amalan *rabitah* ialah harus dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar waktu zikir, sewaktu hadir guru atau waktu ketiadaannya. Terdapat sebahagian mereka menyifatkan amalan itu bukan sahaja digalakkan, malah merupakan satu asas utama (asl kabir) dalam mendidik rohani murid. Manakala sebahagian lain menegaskan bahawa ia adalah sangat dituntut (mu`akkad) (al-Dawsari 2002, 4: 104). Memandangkan amalan *rabitah* dianggap sebagai wasilah bagi menyempurnakan *ma`rifah* seseorang murid, terdapat dalam kalangan mereka yang menggunakan kaedah; hukum wasilah adalah berpandukan hukum *maqasid* (matlamat). Hukum *rabitah* adalah harus jika matlamatnya adalah harus dan boleh bertukar menjadi sunat dan wajib bergantung kepada matlamat yang hendak dicapai menerusi amalan tersebut (al-Dawsari 2002, 4:85).

Artikel ini mengkaji pandangan seorang tokoh tasawuf kontemporari di Malaysia kini, iaitu Tuan Guru Haji Jahid bin Haji Sidek berkaitan amalan tersebut. Beliau dilihat mempunyai sudut pandangan yang berbeza daripada pelbagai pandangan tokoh tasawuf lepas. Beliau tidak hanya menyifatkan amalan *rabitah* harus atau digalakkan bahkan ia merupakan suatu kewajipan kepada setiap individu muslim yang ingin mengenal Allah. Temubual khusus dengan beliau dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana konsep *rabitah* yang telah difahami beliau merupakan satu dimensi baru yang mencakupi makna lebih luas daripada pelbagai pandangan yang ditonjolkan oleh tokoh tasawuf lepas. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan menilai sama ada pandangan beliau tersebut dikukuhkan dengan hujah dan alasan sejajar menurut kaca mata akademik. Oleh itu, kenyataan tentang biodata ringkas beliau dilihat menjadi suatu keperluan dalam pendahuluan artikel ini.

Tuan Guru Haji Jahid bin Haji Sidek yang dilahirkan pada 11 Februari 1940 di Batu Pahat, Johor, memiliki ijazah doktor falsafah daripada Universiti Malaya dalam bidang Usuluddin (tasawuf). Semenjak tahun 1982, beliau berkecimpung dalam amalan Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah di bawah bimbingan gurunya, iaitu Tuan Guru Haji Ishak bin Muhammad Arif dari Dong Raub Pahang. Akhirnya beliau dilantik oleh gurunya sebagai pengganti bagi menerajui kepimpinan tarekat tersebut sekitar akhir tahun 1991 dan kepimpinan tersebut berterusan di Malaysia hingga kini. Keterlibatan beliau dalam menyebarkan amalan ini berkembang pesat ke seluruh lapisan masyarakat di Malaysia. Beliau tidak hanya menyampaikan kuliah di masjid atau surau, malahan turut melibatkan diri dalam pelbagai seminar yang dianjurkan khususnya dalam bidang tasawuf dan tarekat sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa (Jahid, temu bual).

Rabitah Menurut Tuan Guru Haji Jahid bin Haji Sidek

Tuan Guru Haji Jahid berpandangan bahawa amalan rabitah bukan sahaja satu amalan yang digalakkan seperti dinyatakan dalam pendahuluan, bahkan ia merupakan satu kewajipan ke atas setiap mukmin untuk sampai kepada mengenal Allah s.w.t.. Tanpanya seseorang tidak mungkin dapat mengenal Allah sampai ke peringkat *ihsan* (Jahid, temu bual).

Hal demikian adalah kerana beliau telah memahami konsep rabitah dalam konteks yang lebih luas. Ia bukan sekadar bermaksud kasih kepada guru atau menghadirkan wajah guru dalam ingatan atau khayalan murid sahaja. Sebaliknya, rabitah yang dimaksudkan ialah setiap ciptaan Allah yang membantu seseorang untuk mengingati serta menghampiri diri kepada Allah apabila memandang kepada ciptaan tersebut. Maksudnya, individu mukmin yang melihat setiap kejadian ciptaan Allah harus terpantul ke dalam kesedaran hatinya rasa kewujudan Allah serta kebesaran dan keagunganNya (Jahid, temu bual).

Rabitah Adalah Sinonim 'Ayat Allah

Konsep rabitah yang telah difahami oleh Tuan Guru Haji Jahid mengandungi maksud yang sama dengan istilah 'ayat Allah' yang disebut dalam al-Quran. Beliau mengasaskan pandangan tersebut berpandukan beberapa ayat al-Quran yang menyifatkan segala kejadian ciptaan Allah di langit dan di bumi adalah menjadi 'ayat Allah' (tanda-tanda kewujudan Allah s.w.t.). Antaranya firman Allah:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِّأُولِي
الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

Ertinya:

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.

(‘Ali `Imran: 190)

إِنَّ فِي أُخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لآيَاتٍ لِّقَوْمٍ
يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

Ertinya:

Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan pada segala yang dijadikan oleh Allah di langit dan di bumi, ada tanda-tanda (yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah) kepada kaum yang mahu bertakwa.

(Yunus: 6)

الْمُرُوءَاتَا جَعَلْنَا اللَّيْلَ لَيْسَكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِّقَوْمٍ
يُؤْمِنُونَ ﴿٨٦﴾

Ertinya:

Tidakkah mereka memerhatikan bahawa Kami telah menjadikan malam untuk mereka berehat padanya, dan menjadikan siang terang-benderang? Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman.

(al-Naml: 86)

Makna umum dari beberapa ayat al-Quran di atas menyarankan setiap manusia memerhati serta memikirkan setiap ciptaan Allah dalam kehidupan mereka supaya terzahir dalam kesedaran akal mereka tentang wujud Allah dengan segala sifat keagungan dan kesempurnaan. Sehubungan itu, 'ayat Allah dalam al-Quran telah difahami oleh Tuan Guru Haji Jahid sebagai rabitah yang boleh ditafsirkan dari tiga aspek, iaitu aspek pembacaan menerusi pembacaan al-Quran, aspek pandangan menerusi pandangan terhadap kejadian alam dan aspek *mushahadah*, iaitu penyaksian kerohanian dalam diri seseorang mukmin terhadap aspek kewujudan, kebesaran serta keagungan Allah yang dapat difahami di sebalik kejadianNya (Jahid, temu bual).

Aspek kedua, iaitu memandang kejadian alam telah difahami beliau sebagai rabitah dimaksudkan, yang boleh menyampaikan seseorang kepada aspek ketiga, iaitu *mushahadah* kepada Allah s.w.t.. Satu perkara yang perlu difahami oleh setiap mukmin dalam hal ini ialah tiada sesiapa pun sama ada dalam kalangan malaikat, jin dan manusia mahupun makhluk Allah yang lain, berupaya memperoleh dan memahami hakikat wujud zat dan sifat-sifat Allah s.w.t.. Hal demikian kerana antara sifat ketuhanan Allah s.w.t. adalah tidak menyerupai makhluk (mukhalafatuhu li al-hawadith) dalam semua aspek kejadian sama ada dari aspek zat, sifat dan juga perbuatan. Sekiranya wujud persamaan antara Allah dan makhluk dalam salah satu daripada aspek-aspek tersebut, maka hal itu telah menafikan sifat tidak menyerupai makhluk yang menjadi salah satu sifat wajib dimiliki Allah s.w.t. (Jahid, temu bual).

Walau bagaimanapun, Allah s.w.t. dengan kesempurnaan serta kemurahan rahmatNya, telah mengurniakan para hamba untuk mengenaliNya menerusi tanda-tanda yang terdapat dalam setiap ciptaanNya. Namun, pengenalan hamba terhadap Allah tidak mungkin sampai ke peringkat mengenali hakikat zat dan sifat Allah. Sebaliknya, apa yang boleh dicapai oleh mereka hanya sebahagian daripada makna kewujudan dan kebesaranNya sahaja. Bagi mencapai atau memahami tanda-tanda kewujudan Allah, seseorang perlu melihat berbagai-bagai kejadian Allah supaya terserlah di sebaliknya 'ayat Allah yang dimushahadahkan oleh pandangan batin (al-basirah). Memandang pelbagai kejadian Allah adalah penting kerana tanpa menerusinya seseorang tidak mampu mengenali Allah sampai ke peringkat sebaik-baiknya. Sebagai contoh, apabila seseorang melihat satu kejadian Allah seperti memandang kepada kejadian langit, pada waktu yang sama, pandangan batinnya berperanan menghubungkan kejadian yang dilihat itu kepada Allah sebagai Penciptanya. Namun begitu, pandangan batin seseorang itu hanya mampu berfungsi apabila kekuatan *nur dhikr* telah memenuhi segenap sudut hatinya menerusi amalan zikir yang sentiasa dilakukan. Ketika itu, akan timbul dalam kesedaran akal dan roh seseorang rasa wujud Allah yang sangat kental, sehingga membolehkannya menghubungkan setiap kejadian alam yang dilihat kepada makna kebesaran dan keagungan Allah, yang merupakan sebahagian daripada makna alam *malakut* yang terkandung dalam setiap penciptaan Allah s.w.t. (Jahid, temu bual).

Alam malakut dalam konteks tersebut menurut Tuan Guru Haji Jahid adalah setiap makna tersirat dalam semua ciptaan di alam semesta ini yang dapat difahami oleh pandangan batin seseorang tentang kewujudan, kebesaran dan keagungan Allah s.w.t.. Dalam hal ini, beliau membuktikan bahawa setiap makhluk kejadian Allah mempunyai malakutnya tersendiri berdasarkan sepotong ayat al-Quran (Jahid, temu bual), iaitu firman Allah:

فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

Ertinya:

Oleh itu akuilah kesucian Allah (dengan mengucap: *subhana Allah*) – Tuhan yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu, dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan.

(Yasin: 83)

Di samping itu, terdapat satu ayat al-Quran lain yang dihubungkan dengan tuntutan memerhatikan malakut setiap kejadian seperti firman Allah:

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ

Maksudnya:

Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memerhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah.

(al-'A`raf: 185)

Antara contoh ayat al-Quran lain yang biasa ditonjolkan beliau dalam menjelaskan isu tersebut ialah firman Allah:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَفَّتٍ وَبِقِضْنٍ مَا يُمَسِّكُهُنَّ إِلَّا الرَّحْمَنُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ

بَصِيرٌ

Ertinya:

Patutkah mereka menutup mata dan tidak memerhatikan (kekuasaan Allah pada) burung-burung yang terbang di atas mereka, (siapakah yang menjaganya ketika) burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Dia Maha melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(al-Mulk: 19)

Dalam ayat di atas Allah telah menjadikan burung-burung yang mengembang dan menguncupkan sayap mereka di udara, sebagai satu rabitah bagi hamba untuk diperhatikan supaya tercetus dalam hatinya rasa keimanan bahawa Allah sebenarnya yang wujud di sebalik kejadian tersebut, membolehkan burung bergerak bebas tanpa jatuh ke tanah. Apabila wujud Allah jelas dapat dirasakan dalam pandangan hati seseorang mukmin, segala perbuatan yang disandarkan kepada kejadian burung (rabitah) tersebut mula lenyap dari pandangan batin murid kerana sudah tercapai makna wujud Allah di samping keagungan dan kesempurnaanNya.

Asas Praktik Rabitah

Tuan Guru Haji Jahid bin Haji Sidek menegaskan bahawa bentuk praktik konsep rabitah yang dimaksudkan mempunyai asasnya dalam al-Quran. Satu hujah lain sering kali dijadikan sandaran oleh beliau dalam isu berkaitan ialah hal kerohanian yang dilalui oleh Nabi Musa a.s. sebagaimana dalam firman Allah (Jahid, temu bual):

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ، قَالَ رَبِّ أَرِنِي إِلَيْكَ قَالَ لَنْ نَرِنِي

وَلَكِنْ أَنْظِرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ مَكَانَهُ، فَسَوْفَ نَرِنِي فَلَمَّا تَجَلَّى رَبُّهُ لِلْجَبَلِ

جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَى صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ بُنْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ

الْمُؤْمِنِينَ

Ertinya:

Dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata:

"Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaKu (ZatMu yang Maha Suci) supaya Aku dapat melihatMu". Allah berfirman: "Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya Engkau akan dapat melihatKu", setelah Tuhannya '*Tajalla*' (menzahirkan kebesarannya) kepada gunung itu, (maka) '*TajalliNya*' menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pingsan. Setelah ia sedar semula, berkatalah ia: "Maha suci Engkau (wahai Tuhanku), Aku bertaubat kepadaMu, dan akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku).

(al-'A`raf: 143)

Beliau mempunyai satu pentafsiran yang unik berhubung ayat al-Quran di atas. Nabi Musa a.s dalam ayat tersebut berhasrat melihat zat Allah s.w.t.. Bagaimanapun, jawapan yang diterima oleh baginda ialah suruhan supaya memandangi bukit Tur Sina'. Menurut beliau, memandangi bukit tersebut adalah merupakan satu bentuk rabithah untuk memahami maksud melihat zat Allah. Hal demikian adalah kerana hakikat zat dan sifat Allah s.w.t. tidak dapat dilihat oleh makhlukNya. Apabila Nabi Musa a.s. memandangi bukit Tur Sina', lalu Allah mentajalli (menzahirkan) sebahagian daripada makna wujudNya dalam pandangan batin Nabi Musa a.s.. Keadaan tersebut telah melenyapkan tumpuan pandangan zahir baginda terhadap bukit Tur Sina' serta menjadikannya jatuh tersungkur dalam keadaan *fana'* (Jahid, temu bual).

Konsep yang sama dipraktikkan ketika melakukan rabithah dengan memandangi wajah guru. Tuan Guru Haji Jahid menegaskan bahawa saranan memandangi wajah guru adalah sama kedudukannya dengan seseorang muslim yang sembahyang dalam keadaan menghadap diri ke Kaabah di Mekah. Dalam situasi tersebut, muslim yang sedang sembahyang ditegah daripada mengingati berbagai-bagai rupa makhluk yang mungkin terlintas dalam fikirannya kecuali gambaran serta ingatan terhadap Kaabah yang menjadi kiblat sembahyangnya. Walau bagaimanapun, gambaran serta ingatan seseorang bahawa dia sedang menghadapkan diri ke arah Kaabah tersebut bukan merupakan matlamat utama sembahyang kerana fizikal Kaabah itu tidak lebih daripada satu bangunan binaan yang juga sebahagian daripada pelbagai rupa makhluk. Malah, tujuan dan matlamat tersebut ialah supaya ingatan serta tumpuan ingatan hati hanya berhadapan kepada Zat Tuhan yang *laysa kamithlihi shay'* (tidak menyerupai sesuatu), *rabb hadha al-bayt* (pencipta Kaabah). Sehubungan dengan itu, Kaabah yang disifatkan Allah sebagai *bayt Allah* (rumah Allah) tidak lebih dari menjadi satu *wasilah* atau rabithah bagi seseorang bersembahyang dalam mencapai maksud kerediaan Allah semata-mata (Jahid, temu bual).

Dalam konteks berzikir, Tuan Guru Haji Jahid menegaskan, mengingati dan memandangi wajah guru sebelum atau ketika berzikir bukan menjadi matlamat ketika berzikir, bahkan bukan makna menyembah guru sebagaimana yang mungkin difahami oleh sesetengah pihak (Jahid 1997, 253). Penyembahan terhadap guru mungkin boleh terjadi sekiranya seseorang itu menganggap guru memiliki kuasa ke atas dirinya. Walau bagaimanapun, dalam disiplin ilmu tasawuf, status guru mursyid dalam institusi sesebuah tarekat kesufian adalah merujuk seseorang yang memiliki darjat hampiran diri (*qurbah*) dengan Allah serta memiliki hubungan ingatan yang kuat kepada Allah, di samping keimanan serta ketakwaan yang teguh kepadaNya. Tambahan pula, pelbagai sifat kerohanian tersebut telah dipupuk oleh guru supaya diwarisi oleh para murid dari satu generasi ke satu generasi. Oleh itu, ingatan seseorang murid terhadap gurunya ketika berzikir, diharapkan menjadi penghubung yang menguatkan ingatannya kepada Allah, sebagaimana Kaabah telah dianggap menjadi penghubung yang membantu menghadapkan ingatan hamba kepada Allah dalam solatnya (Jahid, temu bual).

Oleh itu, menurut Tuan Guru Haji Jahid bin Haji Sidek, rabithah yang berasaskan konsep tersebut adalah suatu kewajipan setiap muslim yang ingin sampai kepada mengenal Allah hingga ke peringkat *ihsan* yang tanpanya mengenal Allah akan hanya terhasil di peringkat

al-'abrar (para mukmin) sahaja dan tidak mungkin mencapai tahap *al-muqarrabin* atau *al-muhsinin* (para mukmin yang hampir dengan rahmat Allah). Selain itu, beliau berpandangan seseorang murid yang melakukan rabitah ketika berzikir, tidak terikat kepada memandangi wajah guru sahaja. Rabitah yang digunakan dalam zikir adalah bergantung kepada apa yang dikurniakan Allah kepadanya. Maksudnya, sekiranya perkara yang hadir dalam pandangan hati seseorang pengamal itu menambahkan lagi kuat ingatannya kepada Allah, maka perkara tersebut adalah rabitah yang sesuai baginya untuk mengingati Allah (Jahid, temu bual).

Amalan Rabitah Wajib Atau Harus

Keharusan atau galakan seseorang murid mengamalkan rabitah sebagaimana yang disepakati oleh para tokoh tasawuf lepas jelas merujuk definisi rabitah yang telah dikemukakan. Kajian mendapati perkara yang sama berlaku kepada pendirian Tuan Guru Haji Jahid yang menyifatkan amalan rabitah merupakan satu kewajipan ke atas setiap mukmin untuk mengenal Allah. Ini bertitik tolak daripada kefahaman beliau tentang kecakupan makna rabitah itu sendiri. Apabila rabitah difahami sebagai setiap perkara yang boleh membantu seseorang mengingati serta mengenali Allah, maka ia mempunyai pengertian sama dengan 'ayat Allah yang telah difahami sebagai setiap ciptaan Allah yang menjadi penunjuk kepada kewujudan Allah dan segala sifat kesempurnaanNya (al-Razi 1990, 23:93).

Meneliti dari aspek pentafsiran makna rabitah sebagai 'ayat Allah, ia tidak lebih menjadi isu berkaitan dengan istilah sahaja dan sebarang perselisihan pandangan yang berlaku tentangnya adalah merupakan perselisihan dari sudut lafaz yang mempunyai satu maksud. Dari sudut lain, menyebut 'ayat Allah dengan pelbagai istilah baru (al-Ghazali 1986, 1: 101) seperti rabitah dan seumpamanya adalah tidak menjadi satu tegahan dalam syarak kecuali setelah dikenal pasti terdapat satu dalil syarak yang jelas melarang penggunaan tersebut. Setakat penemuan penulis dalam hal ini, tidak terdapat sebarang tegahan syarak yang melarang menggunakan istilah rabitah sebagai nama kedua kepada istilah 'ayat Allah. Melihat dari aspek hukum syarak, sekiranya rabitah mempunyai pengertian yang sama dengan 'ayat Allah, maka hukum berabritah atau memandangi rabitah seharusnya sama dengan hukum memandangi 'ayat Allah. Hal demikian adalah kerana 'ayat Allah merupakan satu tuntutan asal yang terkandung dalam al-Quran, manakala rabitah pula adalah dianggap satu konsep yang dihubungkan maknanya kepada 'ayat Allah tersebut.

Antara Rabitah dan Nazar

Meneliti saranan al-Quran terhadap memandangi serta memerhati 'ayat Allah dalam ciptaan alam semesta, penulis mendapati ulama' Ilmu Kalam telah membuat satu huraian tentang hukum nazar (pemerhatian) menurut syarak dalam beberapa karya mereka (Farghal 1978, 140). Istilah nazar menurut definisi mereka ialah satu proses pemikiran, sama ada ia menghasilkan ilmu pengetahuan atau satu sangkaan (*al-zann*) (al-'Iji 1997, 1: 140). Nazar juga ditakrifkan sebagai satu peringkat penelitian bersistematik berasaskan dua asas; asas pertama dikenali sebagai *muqaddimah kubra* dan asas kedua sebagai *muqaddimah sughra*, yang telah diketahui dan diyakini kebenarannya oleh akal bertujuan menghasilkan satu pengetahuan lain (*natijah*) secara yakin yang belum diketahui (Tattan 1994, 1:181).

Menurut mereka, tuntutan al-Quran supaya melakukan nazar terhadap kejadian ciptaan Allah yang menjadi petunjuk kewujudan dan kesempurnaan Allah sebagai Tuhan Pencipta adalah satu tuntutan wajib menurut syarak ke atas setiap mukalaf (Farghal 1978, 157). Antara hujah digunakan bagi mengukuhkan pandangan mereka ialah, beberapa ayat al-Quran yang menyarankan supaya setiap individu merenung ciptaan Allah dengan menggunakan lafaz suruhan yang menunjukkan kewajipan nazar. Dalam waktu sama,

pendirian al-Quran menempelak terhadap individu yang tidak bersedia untuk melakukan saranan tersebut menunjukkan bahawa meninggal nazar adalah satu perbuatan yang dicela. Hal demikian bererti perbuatan nazar adalah suatu kewajipan menurut syarak (al-Sanusi 1316H, 14; Farghal 1978, 160). Kewajipan tersebut kerana nazar merupakan satu instrumen penting bagi membolehkan seseorang mencapai sekurang-kurangnya ma`rifah kepada Allah s.w.t.. Tanpanya, seseorang akan hanya mampu beriman kepada Allah secara taklid (ikut-ikutan) sahaja dan tidak pula mencapai peringkat ma`rifah yang dimaksudkan (al-'Iji 1997, 1:147).

Berdasarkan penelitian, kedudukan konsep rabitah yang difahami oleh Tuan Guru Haji Jahid bin Haji Sidek adalah sama dengan konsep nazar tersebut dari aspek keduanya merupakan satu instrumen penting dalam mencapai ma`rifah Allah. Di samping itu, semua dalil al-Quran yang digunakan sebagai sandaran kepada kewajipan nazar adalah juga digunakan sebagai hujah bagi tuntutan berabitah. Oleh itu, hukum mewajibkan rabitah ke atas setiap mukmin dalam konteks difahami tersebut adalah berdasarkan satu asas yang kukuh untuk diterima.

Walau bagaimanapun, konsep rabitah dan nazar mempunyai perbezaan dari beberapa aspek lain. Perbezaan tersebut adalah dari sudut pelaksanaan terhadap kedua-dua konsep tersebut, iaitu aspek hati banyak memainkan peranan dalam rabitah manakala aspek taakulan akal pula banyak berperanan dalam proses nazar. Mengambil contoh proses nazar yang dilakukan oleh seseorang yang berada di tepi pantai, apabila melihat kepada lautan, akal mula berfungsi meneliti premis mudah untuk dijadikan asas yang boleh diyakini seperti mengetahui bahawa air laut sentiasa berubah-ubah dan setiap perubahan tersebut adalah suatu perkara baru yang mesti ada pencipta yang mengubahnya. Pada akhirnya akal dapat membuat keputusan secara yakin bahawa pencipta lautan tersebut ialah Allah s.w.t. (Tattan 1994, 1: 187). Manakala dalam melakukan rabitah, seseorang yang melihat lautan tersebut telah menggunakan pandangan batin (al-basirah) bagi menghubungkan perkara dilihat itu dengan ingatan kepada Allah berserta segala sifat keagungan dan kesempurnaanNya sebagai pencipta, sehingga tercetus dalam kesedaran emosinya sifat wujud Allah dan pelbagai lagi sifat kesempurnaan dan keagunganNya, bergantung kepada kekuatan tumpuan ingatan hatinya kepada Allah (Jahid, temu bual).

Satu aspek lain yang membezakan antara kedua-duanya iaitu tahap ma`rifah yang menjadi natijah kepada setiap konsep tersebut. Ma`rifah menurut ahli Kalam ialah merujuk kepercayaan yang yakin terhadap sesuatu perkara yang benar-benar berlaku berasaskan bukti kukuh walaupun secara umum (Tattan 1994, 1: 157). Dengan demikian, kepercayaan serta keyakinan mereka kepada Allah sudah tentu berdasarkan bukti logik akal yang kukuh tentang kewujudan Allah menerusi alam ciptaanNya. Sedangkan ma`rifah menurut ahli tasawuf bukan sekadar iktikad dan pegangan hati yang dilakukan oleh kebanyakan orang awam atau satu metodologi pembuktian dalil tentang wujud Allah dan segala sifatNya sebagaimana dibawa oleh ahli Kalam. Bahkan ia merupakan satu ma`rifah khusus (Ibn `Ata' Allah 1961, 58), iaitu satu bentuk keyakinan terhasil daripada *nur* (cahaya hidayat khusus) kurniaan Allah yang menerangi hati hamba yang telah bermujahadah membersihkan jiwanya dari pelbagai sifat tercela. Nur tersebut berperanan menjadikan seseorang mampu mengenal dengan erti kata sebenar perkara-perkara berkaitan zat Allah, segala sifat kesempurnaan dan perbuatannya di samping dapat memahami pelbagai rahsia kebesarannya di sebalik ciptaan langit dan bumi (al-Ghazali 1986, 1: 55).

Hal demikian menunjukkan konsep ma`rifah yang telah diketengahkan dalam disiplin ilmu tasawuf adalah satu jalan terbaik untuk sampai kepada mengenal Allah. Sehubungan dengan itu, al-Ghazali sebagai mewakili sikap sedemikian membuat penegasan bahawa:

“Ma`rifah kepada Allah, sifat-sifat, perbuatannya dan semua perkara yang telah kami nyatakan dalam topik *‘Ilm Mukashafah* (terdahulu) tidak mungkin boleh dicapai oleh seseorang menerusi (mempelajari) Ilmu Kalam. Bahkan berkemungkinan besar Ilmu Kalam tersebut menjadi penghalang utama yang melindungi seseorang daripada

mengenal Allah. Sebaliknya, cara sebenar (untuk mengenal Allah) ialah melalui amalan mujahadah (bersungguh-sungguh mengerjakan ibadat) yang telah dijadikan Allah sebagai permulaan bagi hidayatNya..” (al-Ghazali 1986, 1: 33)

Kenyataan al Ghazali tersebut bermaksud metode pendalilan Ilmu Kalam sahaja tidak memadai (al-Qazzani t.th., 224) untuk menjadikan seseorang berupaya mencapai penghayatan tauhid sampai ke peringkat ihsan kecuali menggabungkan bersama-samanya metode yang telah dikemukakan oleh para tokoh Tasawuf.

Kesimpulan

Konsep rabitah yang difahami oleh Tuan Guru Haji Jahid bin Haji Sidek adalah lebih luas daripada apa yang telah dikemukakan oleh tokoh tasawuf silam kerana beliau menyifatkan rabitah sebagai setiap perkara yang boleh membantu seseorang menggunakannya untuk sampai kepada ma`rifah Allah, sementara rabitah menurut tokoh tasawuf lebih banyak menfokuskan makna rasa kasih, ingat dan menggambarkan rupa paras guru dalam khayalan murid. Konsep rabitah yang mengandungi suatu makna sinonim dengan 'ayat Allah dilihat sebagai suatu dimensi baru diketengahkan oleh beliau dalam masyarakat kontemporari kini dengan menyifatkan hukum wajib berabitah sebagaimana tuntutan wajib memerhati 'ayat Allah. Di samping itu, konsep rabitah juga adalah relevan untuk disamakan dengan konsep nazar menurut perspektif ahli Kalam dari aspek seseorang wajib memilikinya kerana ia merupakan satu cara utama bagi membolehkan proses ma`rifah Allah tercapai dengan cara sebaik-baiknya.

Rujukan

- al-'Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud., 1984, *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab'i al-Mathani*, Ulang cetak, Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- al-Dawsari, Husayn bin Ahmad., 2002, *al-Rahmah al-Habitah fi al-Dhikr Ism al-Dhat wa al-Rabitah dalam Kitab al-Rahmah al-Habitah fi 'Ahwal al-Imam al-Rabbani Qaddasa Allah Sirrah*, Turki: Maktabah al-Haqiqah.
- Farghal, Yahya Hashim Hasan., 1978, *al-'Usus al-Manhajiyah li Bina' al-'Aqidah al-'Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad., 1986, *Ihya' 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-'Ijji, 'Adad al-Din 'Abd al-Rahman bin Ahmad., 1997, *Kitab al-Mawaqif*, Beirut: Dar al-Jayl.
- Ibn 'Ata' Allah, Abu al-Fadl Taj al-Din Ahmad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Sakandari., 1961, *Miftah al-Falah wa Misbah al-Arwah*, Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa 'Awaladuh.
- Jahid bin Sidek, 1997, *Shaikh dalam Ilmu Tariqah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Qadiri, Ibrahim Hilmi, 1962, *Madarij al-Haqiqah fi al-Rabitah 'inda 'Ahl al-Haqiqah*, Iskandariyyah: t.pt.
- al-Qazzani, Muhammad Murad bin 'Abd Allah, t.th., *Nafa'is al-Sanihat fi Tadhyyil al-Baqiyat al-Salihah*, Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- al-Razi, Muhammad bin 'Umar bin Husayn Fakhr al-Din., 1990, *al-Tafsir al-Kabir aw Mafatih al-Ghayb*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sanusi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf bi 'Umar., 1316H, *'Umdah 'Ahl al-Tawfiq wa a-Tawfiq wa al-Tasdid fi Sharh 'Aqidah 'Ahl al-Tawhid al-Kubra*, Kaherah: Matba'ah Jaridah al-Islam.
- _____, Temu bual pada 17hb. Februari 2008, di Surau Tawajjuh Kampung Aur, Kuala Terengganu, jam 10.00 am.- 12.00 pm.
- Othman Hanapiah, 2004, *al-Rabitah dalam Tasawwuf*, tesis (Ph.D) Jabatan Islam, Fakulti Satera dan Sosial, Universiti Malaya.
- Tattan, 'Abd al-Karim, et.al, 1994, *Sharh Jawharah al-Tawhid fi 'Aqidah 'Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Damsyik: Dar al-Basha'ir.

SYED HADRULLATHFI SYED OMAR, Ph.D
Falkulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: sylutfi@unisza.edu.my